


Headline	Maut pancing ikan Siam		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	21 Oct 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	314,321
Page No	6	Readership	1,964,000
Language	Malay	ArticleSize	371 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 13,649
Frequency	Daily	PR Value	RM 40,947



Maut pancing 'ikan Siam'

BACHOK: Temberang seorang suami kepada isteri kononnya pergi memancing ikan bersama rakan karib akhirnya terbongkar apabila lelaki berusia 52 tahun itu dikesan dijangkiti virus HIV selepas dipercayai kerap melanggar pekerja seks di pekan Sungai Golok, selatan Thailand, sejak 10 tahun lalu.

Malah, bagi meyakinkan isterinya yang hanya mahu dikenali sebagai Asmah, 45, lelaki terbabit juga sanggup membeli ikan besar seperti kerapu atau jenahak di pasar sebelum pulang ke rumah, kononnya itulah hasil tangkapannya.

Bagaimanapun, rahsia lelaki dikenali sebagai Jaafar itu terbongkar apabila dia disahkan dijangkiti virus HIV selepas sering demam, selain berat badannya menurun mengejut.

Sebaik didesak Asmah ber-

ulang kali, akhirnya Jaafar mengaku dia sebenarnya bukan pergi memancing, sebaliknya 'melancong' ke pekan Sungai Golok semata-mata untuk melanggan pekerja seks.

Asmah berkata, lebih mengejutkan, suaminya yang bekerja sebagai tukang rumah mendakwa melakukan perbuatan terkutuk terbabit sejak 10 tahun lalu dan lebih 50 pekerja seks Thai pelbagai usia 'ditidurinya'.

Katanya, ketika ditanya, suaminya turut mengaku nafsunya lebih terdorong kepada wanita warga Thailand kerana terliur melihat paras rupa mereka, selain tertarik dengan tubuh yang berkulit putih serta gebu.

"Jaafar meninggal dunia akibat HIV tiga bulan lalu

dan sempat meminta maaf di atas perbuatannya, namun saya dan anak lelaki berusia tujuh tahun (hanya mahu

dikenali sebagai Aliff) pula yang menderita kerana turut dijangkiti virus itu.

"Walaupun marah serta geram dengan perbuatannya, saya tidak mampu melakukan apa-apa kerana sudah terlambat," katanya ketika dia dan anaknya ditemui Metro Ahad di Rumah Masyarakat Prihatin (RMP) di sini.

Kehidupan Asmah semakin malang apabila Aliff pula disahkan mengalami masalah pendengaran oleh pihak hospital, menyebabkan ibu tunggal yang bekerja sebagai pembantu kedai makan itu makin tertekan.

Asmah berkata, perkahwinannya dengan Jaafar adalah yang kedua selepas bercerai dengan suami pertama.

Katanya, melalui perkahwinan itu, mereka dikurniakan dua anak, namun anak sulung meninggal dunia lima tahun lalu akibat demam pa-

nas.

"Ketika meminta izin dengan saya untuk keluar memancing, riak mukanya langsung tidak menunjukkan reaksi berbohong, menyebabkan saya percaya kata-katanya.

"Lagipun, Jaafar turut membawa peralatan memancing, termasuk umpan serta bekalan makanan, kononnya hendak bermalam selama dua hari, menyebabkan saya bertambah yakin," katanya.

Menurutnya, seminggu sebelum meninggal dunia, Jaafar turut memaklumkan dia boleh jadi 'sasau' jika tidak pergi ke negara jiran.

"Dia turut mengaku menghabiskan wang antara RM200 hingga RM300 setiap kali melanggan pelacur.

"Kini, saya dan anak sering hadir ke RMP bagi mendapatkan khidmat kaunseling daripada kaunselor, Zaimah Hussin," katanya.

STATISTIK HIV DI MALAYSIA DARI 1986 — 2010

TAHUN	HIV			AIDS			KEMATIAN		
	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Lelaki	Perempuan	Jumlah
1986	3	0	3	1	0	1	1	0	1
1987	2	0	2	0	0	0	0	0	0
1988	7	2	9	2	0	2	2	0	2
1989	197	3	200	2	0	2	1	0	1
1990	769	9	778	18	0	18	10	0	10
1991	1741	53	1794	58	2	60	10	9	19
1992	2443	69	2512	70	3	73	44	2	46
1993	2441	66	2507	64	7	71	50	5	55
1994	3289	104	3393	98	7	105	74	6	80
1995	4037	161	4198	218	15	233	150	15	165
1996	4406	191	4597	327	20	347	259	12	271
1997	3727	197	3924	538	30	568	449	24	473
1998	4327	297	4624	818	57	875	655	34	689
1999	4312	380	4692	1114	86	1200	824	50	874
2000	4626	481	5107	1071	97	1168	825	57	882
2001	5472	466	5938	1188	114	1302	900	75	975
2002	6349	629	6978	1068	125	1193	823	64	887
2003	6083	673	6756	939	137	1076	633	67	700
2004	5731	696	6427	1002	146	1148	951	114	1065
2005	5383	737	6120	1044	177	1221	882	102	984
2006	4955	875	5830	1620	222	1842	896	80	976
2007	3804	745	4549	937	193	1130	1048	131	1179
2008	2988	704	3692	795	146	941	786	114	900
2009	2527	553	3080	622	119	741	184	621	805
2010	2984	668	3652	868	167	1035	782	122	904
JUMLAH	82,603	8,759	91,362	14,482	1,870	16,352	11,239	1,704	12,943

Sumber: Majlis Aids Malaysia

Headline	Maut pancing ikan Siam		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	21 Oct 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	314,321
Page No	6	Readership	1,964,000
Language	Malay	ArticleSize	371 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 13,649
Frequency	Daily	PR Value	RM 40,947



FOTO | Azlan Hafeedz

KASIH... Asmah melihat telinga kanan Aliff yang mengalami masalah pendengaran di RMP, dekat Bachok, kelmarin.